

Pakaian kemuliaan tradisional Melayu

PAKAIAN tradisi Melayu bukan saja memiliki falsafah dan nilai budaya tinggi, bahkan dikatakan turut menyimpan elemen mistik yang semakin hilang dalam ingatan kolektif bangsa.

Justeru, pakaian Melayu lengkap seperti tanjak, selendang atau selempang dan bengkong atau pending serta kain buruk yang lebih dikenali sebagai samping, dikategorikan sebagai pakaian kemuliaan Melayu.

Tradisi pemakaian pakaian kemuliaan itu memiliki adat dan

adab, termasuk penggunaan warna jaluran pemakai seperti kuning, merah, hitam atau putih yang bergantung kepada taraf dan martabat dari peringkat hamba hingga kerabat diraja.



MUHAMMAD PAUZI

Menurut **Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Muhammad Pauzi Abd. Latif**, wujudnya perbezaan yang tidak lagi difahami

oleh generasi kini disebabkan pakaian kemuliaan itu dianggap simbolik atau lambang kehebatan

luaran dan dalaman yang dikaitkan dengan kebatinan, kerohanian serta unsur mistik.

“Pakaian kemuliaan dianggap ‘mengabdikan’ diri kepada pemakai seperti kain buruk rakyat biasa adalah kain lepas berwarna hitam tetapi raja dan pembesar menggunakan cindai atau kain azimat seperti songket,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Muhammad Pauzi memberitahu, tidak hairanlah sifat penampilan itu terserlah pada sebarang upacara, majlis atau istiadat sehingga orang Melayu yang tidak lengkap

berpakaian Melayu tidak dianggap daripada kaum berkenaan, apatah lagi jika pembesar.

“Sebagai pencinta kebudayaan dan warisan tentunya generasi muda harus diberi kesedaran supaya kembali memakai pakaian sedemikian agar mereka tahu menghargai nilai warisan nenek moyang.

“Selain keindahan pada pakaian itu penggunaan perhiasan kepala seperti tanjak atau tengkolok turut memainkan peranan menambahkan kesenian pakaian tradisional terutama penampilan si pemakainya,” ujarnya.